SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD 2( )

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN KARBON SAWIT MALAYSIA 2026 PERKUKUH AGENDA KELESTARIAN GLOBAL

Industri minyak sawit Malaysia melangkah setapak lagi dalam agenda kelestarian global melalui penganjuran Persidangan Karbon Sawit Malaysia 2026 (Malaysia Palm Carbon Conference 2026 (MPC2026) yang berlangsung hari ini di Menara FELDA. Persidangan strategik ini dianjurkan secara rasmi oleh Maps & Globe Specialist Distributor Sdn. Bhd. dengan kerjasama strategik bersama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan FGV.

Majlis peluncurannya telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup di sini, hari ini. NRES, FELDA bersama FGV Holdings Berhad (FGV) menyokong penuh peluncuran Malaysia Palm Carbon (MPC), sebuah platform strategik komprehensif bagi menghimpunkan pemimpin industri, pembuat dasar, penyelidik, dan warga peneroka secara bersinergi.

Langkah ini bertujuan mendalami peluang baharu, berkongsi amalan terbaik, serta memperkukuh kerjasama awam-swasta. Inisiatif ini bertindak sebagai pemangkin utama memacu rantaian nilai sektor sawit negara ke arah lebih dinamik.

Fokus utama program tertumpu kepada penerokaan potensi pasaran karbon pertanian menerusi pembangunan kredit karbon berasaskan aktiviti perladangan mampam. Program ini turut menonjolkan keupayaan ladang kelapa sawit sebagai penyerap karbon semula jadi (natural carbon sink) yang berfungsi menyerap dan menyimpan karbon.

Pendekatan ini membuka peluang untuk menjana nilai ekonomi daripada perkhidmatan ekosistem yang disediakan oleh sektor perladangan sawit, di samping menyokong agenda perubahan iklim negara dan sasaran pengurangan pelepasan karbon ke arah pembangunan ekonomi rendah karbon yang inklusif.

Agenda ini turut menekankan pemanfaatan biomas sawit secara optimum menerusi inovasi ekonomi bio kitaran (circular bioeconomy) di peringkat ladang dan kilang sawit FELDA.

Sisa sawit akan ditransformasikan kepada produk bernilai tambah tinggi bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber tradisional serta meminimumkan impak alam sekitar. Strategi ini sekali gus membuka peluang rintisan ekonomi baharu dalam sektor agrosandaran tempatan.

Kerangka kerja tersebut turut meletakkan keutamaan tinggi terhadap usaha meningkatkan kesedaran awam serta perkongsian ilmu mengenai kelestarian dan inovasi hijau dalam kalangan komuniti FELDA.

Penyebaran maklumat yang meluas ini bertujuan membina kapasiti modal insan peneroka dalam mendepani cabaran industri global, sekali gus memperkukuh kedudukan strategik Malaysia selaku peneraju utama industri sawit mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
16 JUN 2026